

29/04/1997

PM lancar grand prix perahu layar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini, melancarkan `Malaysia Challenge', kejohanan grand prix perlumbaan perahu layar yang akan diadakan sempena Lima '97 di Langkawi, pada 2 hingga 7 Disember ini.

Perdana Menteri yang juga penaung pertandingan itu, berkata kejohanan itu akan menjadi pemangkin kepada sukan yang semakin popular di rantau sebelah sini.

"Saya percaya kita akan mendapat manfaat daripada pertandingan itu kerana perlumbaan itu tidak memerlukan tenaga fizikal kuat, tetapi lebih kepada cabaran minda," katanya di sebuah hotel terkemuka di sini.

Beliau selepas itu, menyaksikan majlis tandatangan di antara Huswah Exhibition Sdn Bhd, penaja rasmi Pameran Maritim Antarabangsa Lima '97 dengan Business Focus Group.

Huswah diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Laksamana Madya (B) Tan Sri Abdul Wahab Nawawi, manakala Pengerusi Eksekutif Business Focus Group, Datuk Amin Shah Omar Shah, menandatangani untuk syarikatnya.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pertandingan itu akan menjadi kejohanan perahu layar terbesar di Asia dan akan membentuk sebahagian daripada sirkit dunia.

(END)